## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DAN KEMAHIRAN MENYOAL

### Pengenalan

Dokumen ini mengandungi satu set arahan untuk kegunaan bersama penya mpaian Pemikiran Aras Tinggi dan Kemahiran Menyoal

Penyampaian ini adalah untuk kegunaan mereka yang telah mengikuti sesi latihan i-Think.

Jadual arahan di bawah merujuk kepada:

- Nombor slaid penyampaian. Contohnya, ada slaid yang tertinggal arahan kerana disembunyikan atau tidak diperlukan.
- Imej pada slaid
- Arahan, maklumat tambahan pada setiap slaid. Semua arahan terdapat di bahagian nota slaid dalam penyampaian power point 'Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Kemahiran Menyoal'.

### Berapa lamakah tempoh latihan ini?

Latihan ini adalah untuk tempoh selama 4 jam.

### Apakah bahan yang diperlukan?

- Kertas secukupnya untuk peserta kursus
- Edaran untuk program latihan ini
- Set kad latihan Hirarki Perkataan – rujuk slaid 15 untuk arahan seterusnya
- Satu salinan penyampaian powerpoint 'Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Kemahiran Menyoal'
- Projektor digital dan skrin
- Dua daripada tugasan penyampaian ini memerlukan tayangan video dan system bunyi.

### Apakah persediaan yang diperlukan?

- Ingat semula kursus i-Think yang telah diikuti. Baca semula edaran dan nota yang diterima semasa kursus.
- Anda perlu membiasakan diri secara menyeluruh dengan semua penyampaian dan tugasan yang disediakan supaya anda lebih yakin untuk mengetuai sesi latihan ini.
- Biasakan diri dengan bilik latihan di mana kursus akan dijalankan. Pastikan meja disusun dengan baik agar peserta dapat berkongsi dan bertukar pendapat dengan selesa. Susun peserta dalam kumpulan – maksimum 8 orang.
- Pastikan latihan dirancang agar interaktif – peserta perlu belajar sambil melakukan tugasan. Semasa penyampaian, pastikan peserta dapat mengkaitkan dan menggunakan strategi pembelajaran ini di dalam bilik darjah mereka.

| Nombor Slaid | Imej Slaid | Arahan |
|---|---|---|
| 1 | | |
| 2 |   | |
| 3 |   | Tanya peserta peta pemikiran dan proses pemikiran yang manakah sedang digunakan. (Peta Pelbagai Alir – tetapi separuh, menunjukkan 'kesan' atau hasil) |
| 4 |  | Berfikir secara individu / berpasangan / perkongsian<br>Kemudian dapatkan maklumbalas – catatkan maklumbalas yang baik dan berguna |
| 5 |   | Gunakan slaid 5 dan 6 untuk menyemak maklumbalas slaid sebelum ini. Adakah tujuan-tujuan (slaid ini) tercapai? |
| 6 |   | |
| 7 |   | Tonton video dan minta peserta dengar dan menghayati jalan cerita.<br>Tulis tiga soalan yang anda akan bertanyakan kepada murid-murid anda selepas menunjukkan mereka video.<br>Kemudian tunjukkan slaid seterusnya dengan kriteria<br>Bekerja secara berpasangan - berkongsi dan kritikkan soalan mengikut kriteria yang disediakan (slaid seterusnya).<br>Kemudian, kaji semula soalan-soalan yang disediakan sama ada sesuai<br>Kemudian dalam kumpulan (4 orang) - dan kongsi soalan, bincangkan apa-apa perubahan yang telah dibuat kepada soalan-soalan dan berikan sebab dan sebagainya |
| 8 |   | Slaid ini adalah nota |
| 9 |   | Hasil dari latihan ini akan memberikan peluang kepada fasilitator untuk mengalih fokus dari soalan berkesan kepada soalan yang lebih mencabar.<br>Tekankan kata kerja aktif / kata kunci yang merangsang proses berfikir. Anda mungkin akan merujuk kepada nota edaran dari Hari Pertama – Peta Pemikiran secara umum dan kata kunci. |
| 10 |   | |
| 11 |   | Tambahan – jika kita mengharapkan pemikiran aras tinggi, kita juga harus memberikan peluang pembelajaran yang merangsang kepada respon beraras tinggi |
| 12 |   | |
| 13 |   | Penekanan – terdapat kemahiran yang melibatkan teknik penyoalan – iaitu yang memerlukan usaha, latihan dan perkembangan |

| Nombor Slaid | Imej Slaid | Arahan |
|---|---|---|
| 14 |  | Memperkenalkan permainan.<br>Aktiviti berpasangan. **Individu A** akan bertanyakan soalan kepada individu B yang biasanya memerlukan jawapan ya / tidak. **Individu B** cuba menjawab soalan tanpa menggunakan jawapan ya / tidak. Jika perkara tersebut berlaku, maka individu tersebut kalah dan pasangannya pula akan menjawab soalan.<br>Seterusnya individu A akan bertanyakan soalan yang memerlukan individu B menjawab lebih dari satu perkataan. Kenalpasti soalan yang memerlukan jawapan dengan huraian.<br>Analisis ayat aktif yang digunakan dalam soalan.<br>• Dalam pasangan, sediakan set soalan yang boleh ditanyakan kepada orang lain – dengan tujuan untuk mencari "pasangan impian".<br>• Gunakan soalan yang telah disediakan itu pada orang lain<br>• Buat refleksi jawapan yang diberikan.<br>• Adakah mereka mendapat jawapan yang diharapkan?<br>• Soalan manakah yang paling berkesan? Kenapa?<br>• Beri maklum balas terhadap proses tersebut<br>• Setiap pasangan akan memilih soalan yang dirasakan paling berkesan – dan berikan sebab. Juga pilih soalan yang paling lucu dan nyatakan kenapa. Kongsikan. |
| 15 |  | Perkataan yang diperlukan terkandung dalam dokumen "latihan menyusun perkataan mengikut hirarki" Ia perlu dicetak dalam kad, digunting serta disusun mengikut pek. Setiap pek akan dikongsi oleh 4 orang maksimum.<br>Latihan ini menggunakan bahan dari **Intelek 3 Aras** (lihat slaid selanjutnya) – tetapi pada tahap ini, tidak perlu merujuk / menyebutnya terlebih dahulu.<br>Dalam kumpulan bertiga / empat, peserta akan menyusun kad mengikut hirarki. Mereka perlu memutuskan (dan membuat justifikasi!) rasional di sebalik hirarki tersebut.<br>Catatan – ketika anda membuat pemerhatian terhadap kumpulan, mereka mungkin sedang bertungkus lumus untuk meletakkan perkataan mengikut hirarki yang terbaik – beritahu mereka agar jangan runsing. Mereka mungkin menyusun perkataan-perkataan dalam hirarki yang sama – tiada masalah!! Tidak ada jawapan yang "betul" – berikan mereka peluang untuk mengambil risiko.<br>Beritahu peserta agar jangan simpan kad tersebut kerana ia akan digunakan dalam aktiviti seterusnya –lihat slaid 22 |
| 16 |  | |
| 17 |  | |
| 18 |  | |

| Nombor Slaid | Imej Slaid | Arahan |
|---|---|---|
| 19 |  | |
| 20 |  | Bincang imej dengan peserta – tunjuk pada orang yang berada di bumbung yang sedang berdiri di atas belakang orang – apa yang mungkin dimaksudkan?<br>Perhatikan juga orang yang sedang memanjat di tepi bangunan? (Atau adakah dia sedang turun?) |
| 21 |  | Kaji ketiga-tiga aras, terangkan apa yang dimaksudkan<br>**Mengumpul** - mendapatkan semua maklumat<br>**Memproses** – mentafsir maklumat yang dikumpulkan<br>**Mengaplikasi** – menggunakan semua maklumat yang dikumpul dan diproses untuk disintesis dan dinilai |
| 22 |  | Perkataan yang digunakan dalam slaid ini telah digunakan dalam latihan kad Hirarki Perkataan. Bandingkan hirarki yang peserta hasilkan. |
| 23 |  | |
| 24 |  | Bandingkan dan bezakan kedua-dua set perkataan yang digunakan oleh kedua-dua penulis.<br>Bloom menggunakan kata nama dan Anderson menggunakan kata kerja aktif |
| 25 |  | |
| 26 |  | |
| 27 |  | **SAMA ADA GUNA SLAID INI ATAU SELANG 2 SLAID**<br>Aktiviti – tayangkan video 'Si Tanggang' – anda perlukan bunyi |
| 28 |  | Ini adalah beberapa contoh soalan yang boleh digunakan selepas peserta membina dan berkongsi soalan-soalan mereka.<br>**PERHATIAN. Semua soalan bermula dengan kata tanya 'Apa'. Apakah perkataan yang dikaitkan dengan soalan Aras Bawah. Tidak semua contoh menggunakannya. Kenapa?**<br>Persoalan – di para manakah dalam Intelek Tiga Aras pemikiran ini? |
| 29 |  | **Ini merupakah sumber bahan aktiviti susulan – lihat 2 slaid selepas ini.** |
| 30 |  | |

| Nombor Slaid | Imej Slaid | Arahan |
|---|---|---|
| 31 |  | Ini adalah beberapa contoh soalan yang boleh digunakan selepas peserta membina dan berkongsi soalan-soalan mereka.<br>**PERHATIAN. Semua soalan bermula dengan kata tanya ‘Apa’. Apakah perkataan yang dikaitkan dengan soalan Aras Bawah. Tidak semua contoh menggunakannya. Kenapa?**<br>Persoalan – di para manakah dalam Intelek Tiga Aras pemikiran ini? |
| 32 |  | Slaid ini adalah untuk bahan edaran – Lihat dokumen Mengingat, Mencipta dan Edaran |
| 33 |  | |
| 34 |  | |
| 35 | | |
| 36 | | |
| 37 | | |
| 38 | | |
| 39 |  | Slaid-slaid seterusnya menunjukkan bagaimana guru-guru boleh meningkatkan kemahiran menyoal. Anda boleh gunakan idea-idea berikut:<br>Pelajar-pelajar sekolah pemikir akan membina sebuah Koleksi Pemikir yang lengkap dengan alat dan strategi pemikiran yang dapat diakses kendiri apabila diperlukan.<br>Guru-guru sekolah pemikir juga dapat menggunakan Koleksi Pemikir ini tetapi mereka perlukan Koleksi Pemikir untuk Guru. Kemahiran Menyoal akan dimasukkan ke dalam koleksi ini. |
| 40 |  | |
| 41 |  | |
| 42 |  | Empat slaid berikut adalah kandungan satu edaran – Soalan-soalan bermatlamat |
| 43 |  | |

| Nombor Slaid | Imej Slaid | Arahan |
|---|---|---|
| 44 |  | |
| 45 |  | |
| 46 | | |
| 47 |  | |
| 48 |  | |
| 49 |  | |
| 50 |  | |
| 51 |  | |
| 52 |  | |
| 53 |  | |